

SIJIL PELAJARAN MALAYSIA **BAHASA MELAYU**

1103/2

KERTAS 2

2 jam 30 minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

- 1 *Kertas soalan ini mengandungi tiga bahagian: Bahagian A, Bahagian B dan Bahagian C.*
- 2 *Jawab semua soalan.*
- 3 *Jawapan bagi Soalan 8 berdasarkan teks Komponen Sastera Melayu Tingkatan 4 dan Tingkatan 5*
- 4 *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*

Bahagian A: Sistem dan Aplikasi Bahasa

[35 markah]

- 1 Baca petikan di bawah dengan telitinya. Kenal pasti dan senaraikan **empat kata terbitan**. Kemudian, bina **satu ayat anda sendiri** daripada setiap **kata terbitan** tersebut untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.

Pendidikan dalam masyarakat hari ini memerlukan sistem nilai. Sistem nilai ini perlulah mampu dikembangkan dan disuburkan agar masyarakat mempunyai etika yang tinggi dalam kehidupan mereka. Pendidikan ialah proses untuk menimba ilmu sebanyak yang mungkin kerana ilmu sangat penting dalam kehidupan. Proses mendapatkan ilmu akan berlangsung sepanjang manusia hidup. Proses ini bermula sejak manusia berada dalam kandungan sehinggalah manusia meninggalkan alam ini. Proses mendapatkan ilmu berlaku secara formal dan juga tidak formal.

[8 markah]

- 2 Berdasarkan petikan di bawah, kenal pasti dan tulis **subjek dan predikat** yang lengkap bagi **tiga ayat** yang anda pilih seperti yang berikut:

Subjek: _____

Predikat: _____

Kes rasuah yang berlaku tidak mudah untuk diselesaikan. Hal ini disebabkan oleh kekurangan bukti yang kukuh. Pemberi dan penerima rasuah yang menyalahgunakan kuasa mereka untuk kepentingan diri sendiri sukar diberkas walaupun negara mempunyai undang-undang tentang jenayah ini. Jika diteliti, jenayah ini semakin meningkat kerana pemberi dan penerima rasuah lambat dikenakan tindakan oleh pihak yang bertanggungjawab. Jenayah ini perlulah dibanteras hingga ke akar umbi untuk menjamin kemajuan negara.

[6 markah]

- 3 Bahan-bahan di bawah mengandungi pelbagai kesalahan bahasa. Kenal pasti, senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan tersebut. Anda perlu menulis kesalahan-kesalahan yang dikenal pasti dan membuat pembetulannya. Anda tidak perlu menyalin bahan-bahan tersebut.

Bahan 1

Antara punca-punca utama yang menyebabkan berlakunya kemalangan jalanraya ialah sikap pemandu yang cuai ketika berada di jalan raya. Hal ini demikian kerana pemandu yang cuai ini sering penting diri sendiri ketika berada di jalan raya. Antara contohnya ialah mereka yang cuai ini gemar melanggar lampu isyarat, memandu melebihi had laju yang telah ditetapkan dan menggunakan telefon bimbit ketika memandu kenderaan. Implikasinya, pemandu yang cuai ini bukan sahaja membahayakan nyawa sendiri tetapi nyawa pengguna jalan raya yang lain. Sehubungan dengan hal itu, sebagai pemandu yang berhemah sewajarnya mereka menghayati slogan "Pandu Cermat Jiwa Selamat" supaya dapat mengelak diri daripada terlibat dalam kemalangan jalan raya.

[5 markah]

Bahan 2

Sabrina : Selamat pagi, Saudari Elisya. Saya, Sabrina. Saya ialah editor majalah sekolah kita. Saya telah bertugas untuk menemu ramah saudari. Saya berharap agar saudari tidak keberatan bagi ditemu ramah.

Elisya : Selamat pagi, Sabrina. Saya bersedia untuk memberikan kerjasama.

Sabrina : Terima kasih kerana saudari sudi memberikan kerjasama untuk menjayakan temu ramah ini. Saya ucapkan tahniah di atas kejayaan saudari. Apakah rahsia saudari sentiasa cemerlang?

Elisya : Sebenarnya kejayaan saya di dalam pelajaran didorong oleh beberapa faktor-faktor seperti cara saya belajar dan dorongan ibu bapa. Namun begitu, yang lebih penting adalah bimbingan yang diterima daripada guru-guru.

Sabrina : Syabas, saudari! Saya cukup berbangga dengan pemilihan saudari sebagai murid cemerlang pada tahun ini. Sekali lagi saya ucapkan terima kasih dan selamat berjaya.

Elisya : Sama-sama.

[6 markah]

- 4 Baca petikan bahasa Melayu klasik di bawah dengan telitinya, kemudian tulis semula petikan tersebut dalam **bahasa Melayu Standard** tanpa mengubah bentuk dan maksud asalnya.

Maka datang pula seorang lagi, dikeratnya kepala, lalu dibawa menghadap raja katanya, "Inilah tandanya patik membunuh penjurit pada malam tadi."


Dengan demikian habislah kaki tangan Kertala Sari dikeratnya dibawanya kepada raja. Maka Baginda pun menjadi hairan.

Maka titah baginda kepada Bendahara, "Ayo mamak Bendahara, kita pun hairan kelakuan ini. Siapakah juga yang sungguh ini?"

Dipetik daripada prosa tradisional 'Kepimpinan Melalui Teladan' dalam **Antologi Jaket Kulit Kijang dari Istanbul**, Kementerian Pendidikan Malaysia

[4 markah]

- 5 Teliti gambar yang diberikan. Nyatakan **tiga** peribahasa yang sesuai dengan situasi yang terdapat dalam gambar:



[6 markah]